

Membangunkan bandar

UM - 1/2/2007

SOALAN: Mengapa Kementerian Wilayah Persekutuan memilih tema *Maju dan Sejahtera* untuk sambutan Hari Wilayah Persekutuan Ke-33?

ZULHASNAN: Sebelum itu, mari kita sama-sama melihat sejarah Wilayah Persekutuan serba sedikit di mana Kuala Lumpur dan Putrajaya dulunya sebahagian dari Selangor, namun pada 1 Februari 1974 Kuala Lumpur diisytiharkan sebagai Wilayah Persekutuan pertama dan Labuan pula suatu ketika menjadi sebahagian dari Sabah menjadi Wilayah Persekutuan pada 16 April 1984, diikuti Putrajaya pada 1 Februari 2001.

Tema tersebut dipilih kerana 'Maju' melambangkan aspek pembangunan fizikal, prasarana, pentadbiran, ekonomi, teknologi dan aspek-aspek lain yang berkaitan.

'Sejahtera' pula boleh didefinisikan sebagai petunjuk kepada keseimbangan pembangunan dari perspektif kemasyarakatan, kesejahteraan penduduk dan kegemilangan rakyat yang dilahirkan melalui konsep pembangunan modal insan.

Pada masa yang sama visi Maju dan Sejahtera boleh diaplikasikan untuk membentuk satu identiti Wilayah Persekutuan seperti yang terkandung dalam pelan strategi Kementerian Wilayah Persekutuan.

Justeru kami di Kementerian telah mewujudkan bendera Wilayah Persekutuan pada tahun lepas dengan perkenan Yang di-Pertuan Agong ke-12, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail. Pelancaran bendera Wilayah Persekutuan bukan sahaja telah memberikan imej dan identiti baru malah lagu Wilayah Persekutuan juga membawa tajuk yang sama iaitu *Maju dan Sejahtera*.

Bagaimana Datuk melihat keberkesanan selepas pelancaran bendera Wilayah Persekutuan?

ZULHASNAN: Pelancaran bendera Wilayah Persekutuan bukan sahaja telah memberikan imej dan identiti baru kepada Wilayah Persekutuan malah menjadi satu mercu tanda kebanggaan rakyat di sini.

Sebagai contoh pada tahun lepas, buat pertama kali dalam sejarah, kontinjen Sukma Wilayah Persekutuan bertanding di bawah satu payung dan satu bendera. Mereka begitu bersemangat sebagai satu pasukan dan satu entiti di bawah nama Wilayah Persekutuan.

Perayaan sambutan Hari Wilayah Persekutuan tahun ini juga akan mencipta satu sejarah baru di mana bendera Wilayah Persekutuan akan menjadi identiti kemegahan kita semua selepas 33 tahun wilayah tersebut diwujudkan.

Bukan setakat itu sahaja, semua sekolah, persatuan sukan, bangunan dan pemilik kedai di sekitar Wilayah Persekutuan telah mula mengibarkan bendera Wilayah Persekutuan. Seperti yang saya katakan tadi, ini merupakan proses membuka tirai ke arah Wilayah Persekutuan Maju dan Sejahtera.

Apakah perancangan masa depan Wilayah Persekutuan?

ZULHASNAN: Kita telah merangka satu Pelan Strategik Kementerian Wilayah Persekutuan bagi menjayakan Misi Nasional dan Wawasan 2020. Teras utama pelan tersebut ialah Maju dan Sejahtera yang diaplikasikan melalui akronim MANTAP.

M - Modal Insan, **A -** Aspek Ekonomi, **N -** Nilai Tambah, **T -** Teknologi, **A -** Alam Sekitar, **P -** Penyertaan Rakyat.

Pelan inilah akan menjadi pemangkin Kementerian Wilayah Persekutuan dalam usaha untuk menjayakan misi serta hala tuju kementerian.

Perlaksanaan *blueprint* ini bertujuan mewujudkan satu sistem penyampaian yang efisien dan efektif. Ini seiring dengan amanat Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang sentiasa mengingatkan sektor perkhidmatan awam supaya memantapkan sistem tersebut di semua peringkat.

Salah satu pendekatan yang telah dilaksanakan oleh Kementerian ini ialah proses penambahbaikan dan memperkemaskan dasar-dasar, garis-garis panduan yang sedia ada melalui gerakan MANTAP menerusi pendekatan Mengupas, Mengkaji, Membincang dan Menjawab (4M). Isu-isu yang menjadi perhatian utama meliputi aspek pembangunan, pentadbiran dan juga pengurusan Wilayah Persekutuan.

Antara program *retreat* yang telah dianjurkan sepanjang tahun lepas ter-

MUKADIMAH

SAMBUTAN Hari Wilayah Persekutuan Ke-33 begitu bermakna dan bersejarah kerana buat pertama kali bendera Wilayah Persekutuan berkibar sebagai identiti kemegahan setiap warga kota Wilayah Persekutuan yang melibatkan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Zulhasnan Rafique sebagai anak watan Kuala Lumpur telah memberi satu imej dan penjenamaan baru kepada Wilayah Persekutuan.

Zulhasnan yang akan genap setahun menjadi Menteri Wilayah Persekutuan pada 14 Februari ini menyambung usaha mencorakkan Wilayah Persekutuan untuk maju dan sejahtera mengikut aspirasi Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Tahun 2007 ini merupakan tahun yang paling bersejarah, bermakna dan bererti kepada Zulhasnan kerana buat pertama kali beliau akan mengepalai sambutan Hari Wilayah Persekutuan Ke-33 bertepatan *Maju dan Sejahtera*.

Kepada wartawan *Utusan Malaysia*, NAZERI NONG SAMAH, Zulhasnan berkongsi wawasan membangunkan Wilayah Persekutuan seiring dengan hasrat menjadikan Malaysia negara maju pada 2020.

Perayaan sambutan Hari Wilayah Persekutuan tahun ini juga akan mencipta satu sejarah baru kerana bendera Wilayah Persekutuan diperkenalkan sebagai identiti kemegahan kita semua selepas 33 tahun wilayah tersebut diwujudkan

masuk penambahbaikan undang-undang Wilayah Persekutuan, penstrukturan semula Kementerian Wilayah Persekutuan, dasar dan garis panduan hiburan, dasar penjaja, dasar kawasan hijau dan alam sekitar, penjualan rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR), *retreat* DBKL, Putrajaya dan Labuan.

Bagaimana Datuk melihat keberkesanan program *retreat* itu sendiri?

ZULHASNAN: Seperti yang saya katakan tadi *retreat* merupakan satu platform untuk kita Mengupas, Mengkaji, Membincang dan Menjawab. Bagi saya, kita tidak boleh mengemukakan atau menetapkan sesuatu dasar atau garis panduan dengan sewenang-wenangnya. Kita perlu melihat dari pelbagai aspek sebelum sesuatu dasar atau garis panduan dibuat atau diumumkan.

Sebagai contoh, kita ambil Dasar Penjaja. Penjaja juga mempunyai pelbagai masalah yang terpendam di hati mereka. Mereka juga mempunyai pelbagai pandangan dan idea tetapi segala isi hati mereka perlu didengar melalui saluran yang betul kerana mereka juga memainkan peranan penting ke arah pertumbuhan ekonomi negara.

Apabila kita menganjurkan *retreat* Dasar Penjaja, melalui program *retreat* tersebut kita semua dapat duduk semeja dan merangka cadangan-cadangan baru untuk dikaji oleh Kementerian Wilayah Persekutuan sebelum diumumkan kelak.

Bagaimana pula perkembangan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan?

ZULHASNAN: Saya melihat peranan Kementerian Wilayah Persekutuan sebagai satu kementerian yang strategik dan kritikal kepada pembangunan Wilayah Persekutuan. Wilayah Persekutuan menjadi pintu gerbang utama kepada negara. Kementerian ini diberikan tanggungjawab untuk menjaga tiga pihak berkuasa tempatan (PBT) iaitu Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Kuala Lumpur yang diletakkan di bawah DBKL merupakan ibu kota Persekutuan dan pusat ekonomi, sosial, pendidikan dan pelancongan. Fokus dan sasaran utama kementerian ialah menjadikan Kuala Lumpur bandar raya maju bertaraf dunia menjelang 2020.

Untuk mencapai sasaran tersebut, *retreat* DBKL yang dianjurkan baru-baru ini telah mengambil kira proses penambahbaikan isu-isu yang relevan seperti masalah banjir, pengangkutan

awam, kesesakan lalu lintas, perumahan dan pembangunan sosioekonomi semua kaum.

Saya juga telah menyarankan DBKL agar menyediakan Pelan Tindakan 2020 dalam tiga fasa di mana tiap-tiap fasa selama lima tahun. Saya mahu DBKL membuat proses penjenamaan semula termasuk pembinaan DBKL Village untuk 12,000 kakitangannya.

Kita perlu ada proses *rebranding*. Saya sudah minta Datuk Bandar Kuala Lumpur yang baru (Datuk Ab. Hakim Borhan) keluaran satu cadangan mengenai proses *rebranding* DBKL.

Putrajaya pula di bawah Perbadanan Putrajaya yang ditubuhkan khusus untuk menjadikan Putrajaya sebagai pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang utama.

Penambahbaikan

Fokus utama Putrajaya pula ialah menentukan pengurusan dan pentadbiran kelas pertama terhadap infrastruktur yang telah dibangunkan. *Retreat* Putrajaya tahun lepas juga mengambil kira isu-isu penambahbaikan termasuk penambahan jumlah penduduk dan penganjungan supaya Putrajaya menjadi sebuah pusat yang lebih maju tanpa bergantung daripada kerajaan Pusat. Putrajaya juga dirancang menjadi sebagai pusat kecemerlangan sukan air yang unggul di dunia di samping menjadi gelanggang utama untuk sukan ekuestrian dan polo.

Putrajaya juga dirancang sebagai bandar raya bunga. Baru-baru ini juga Kementerian Pelancongan dengan kerjasama agensi-agensis yang lain telah menganjurkan Pesta Flora Putrajaya 2007 sempena Tahun Melawat Malaysia 2007 (TMM 2007).

Kementerian juga memberi keutamaan dan penekanan terhadap penggalakan pembangunan sektor komersial di Putrajaya. Saya juga telah sarankan kepada Perbadanan Putrajaya untuk merangka Pelan Tindakan Putrajaya 2020 dalam tiga fasa dan setiap fasa selama lima tahun.

Labuan pula di bawah Perbadanan Labuan. Labuan lebih terkenal sebagai pusat kewangan luar pesisir antarabangsa dan pulau pelancongan bebas cukai antarabangsa dan pusat pendidikan yang terkemuka.

Labuan juga menjadi pintu gerbang Malaysia Timur bagi ketiga-tiga faktor

utama yang disebutkan tadi. Labuan maju dalam industri pembangunan petroleum dan gas serta perkapalan dan perikanan. Labuan juga memberi fokus kepada pembangunan Halal Hab bagi Malaysia Timur.

Saya juga telah mencadangkan Pelan Tindakan Labuan 2020 dalam tiga fasa. Kementerian Wilayah Persekutuan bertanggungjawab kepada hal ehwal pembangunan dan pengurusan pulau-pulau luar pesisir. Gugusan Semarang Peninjau yang melibatkan Terumbu Layang-Layang akan dijadikan sebagai pusat pelancongan laut dalam dan pusat penyelaman yang unggul.

Apakah Kementerian Wilayah Persekutuan merangka program pembaharuan bagi memperkukuhkan urbanisasi Melayu supaya tidak terus terpinggir dan menjadi warga kota kelas kedua?

ZULHASNAN: Di Wilayah Persekutuan terdapat satu fenomena unik yang tidak ketara berlaku di negeri-negeri lain iaitu fenomena migrasi. Wilayah Persekutuan menjadi tumpuan kemasyarakatan pelbagai kaum rakyat dari seluruh negara sebagai satu kawasan berpusat yang menjanjikan masa depan yang lebih baik dan progresif. Ini termasuk kakitangan awam, penjawat sektor swasta, peniaga-peniaga, para pelajar dan lain-lain lagi. Wilayah Persekutuan umpama rumah persinggahan untuk mencari rezeki.

Walaupun ada yang terus menetap di Wilayah Persekutuan, majoriti daripada penghuni wilayah ini terdiri daripada rakyat negeri-negeri lain yang akan pulang ke negeri asal mereka dari semasa ke semasa. Inilah keunikan yang menjadikan Wilayah Persekutuan sebagai cermin kepada Malaysia atau Wilayah Persekutuan *Truly Malaysia*.

Justeru sebarang usaha pembangunan sosioekonomi Wilayah Persekutuan perlu mengambil kira isu Melayu bandar.

Malah pada Konvensyen Badan Perhubungan UMNO Wilayah Persekutuan tahun lepas, tema yang dipilih ialah *UMNO Wilayah Persekutuan Wadah Perjuangan Memartabatkan Melayu Bandar*. Ucapan saya sendiri sebagai Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Wilayah Persekutuan menjurus kepada tema pembangunan dan memperkasakan Melayu bandar.

Ini amat penting untuk membolehkan pembangunan seimbang antara kaum diteruskan. Isu-isu yang penting ialah keperluan asas. Kementerian Wilayah Persekutuan akan memberi tumpuan kepada pembangunan sosioekonomi melalui penajanaan suasana yang kondusif melalui peluang-peluang pekerjaan kepada orang Melayu yang berpendapatan rendah.

Sejumlah 15,000 lesen tambahan diperuntuk kepada peniaga-peniaga dan penaja.

